

Wabak denggi serang kampung



● Lombong ini dipercayai punca kepada peningkatan kes denggi di kawasan ini. Gambar kecil, Zainuddin Amran.

SUNGAIBESI - Peningkatan 13 kes denggi di Kampung Malaysia Tambahan dan Kampung Malaysia Raya dalam tempoh empat bulan cukup membimbangkan penduduk berkenaan.

Keadaan ini dapat diklasifikasikan sebagai kawasan wabak denggi memandangkan peningkatan pada tahun ini tinggi jika dibandingkan tahun sebelumnya yang hanya mencatat dua kes manakala tiada kes dilaporkan pada 2008.

Pengerusi Persatuan Penduduk Kampung Malaysia Raya, Mohd Zainuddin Amran mendakwa, kesemua penduduk yang menghadapi denggi, rata-ratanya tinggal berhampiran

kawasan bekas lombong iaitu berhampiran tapak Projek Terminal Pengangkutan Bersepadu Bandar Tasik Selatan.

"Ini bukannya serkap jarang, tetapi lihatlah keadaan bekas lombong yang tidak pernah diselenggarakan itu.

"Jabatan Kesihatan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (BDKL) sendiri juga mengesahkan bekas lombong tersebut punca utama kes denggi yang menyerang penduduk di kawasan itu," dakwanya.

Zainuddin berkata, pihaknya mahu pihak yang bertanggungjawab dapat mengambil langkah sewajarnya dalam menjaga

bekas lombong berkenaan.

"Keadaan ini mendukacitakan apabila sikap seolah-olah mengabaikan kawasan ini menyebabkan penduduk berhampiran menerima padahnya.

"Penduduk di sini juga ada mengambil langkah proaktif termasuk menjaga kebersihan rumah masing-masing serta gotong royong, tetapi bagaimana pula dengan tindakan pihak berwajib?" katanya.

Tinjauan Sinar Harian di kawasan terbabit mendapati, terdapat sampah dan tumbuhan menjalar di kawasan bekas lombong berkenaan menunjukkan tiada kerja penyelenggaraan yang sewajarnya dibuat.